



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**9 APRIL 2026 (KHAMIS)**

## Harga Lembu Korban Naik Jika Cuaca Panas Berterusan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	15	9 April

# Harga lembu korban naik jika cuaca panas berterusan

**Penternak tanggung pelbagai kos pastikan haiwan ternakan dapat makanan, minuman cukup**

Oleh Siti Rohana Idris  
Emel bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Cuaca panas melampau sejak beberapa bulan lalu turut menjejaskan penternakan lembu sehingga menjadikan kos menternak naik mendadak.

Malah, penjagaan lembu juga perlu lebih rapi kerana haiwan ternakan memerlukan sumber makanan dan minuman mencukupi bagi mengelakkan ia kekurangan zat, seterusnya mati.

Masalah itu dialami penter-

nak, Mohd Hanif Hussin, 31, yang menternak 10 lembu, termasuk beberapa daripada ternakannya jenis kacukan dan berdepan dengan situasi rumput kering dan perlu melebihkan dedak sebagai ganti.

Mohd Hanif berkata, jika sebelum ini kos pembelian dedak untuk semua lembunya hanya RM600, tapi sejak cuaca panas kebelakangan ini ia meningkat kepada RM850.

"Saya ada menanam rumput dengan keluasan 0.61 hektar, tapi sepanjang cuaca panas melampau ini semuanya menjadi kering walaupun sudah disiram air, namun ia tidak mencukupi.

"Disebabkan itu, saya perlu melebihi pemakanan dedak untuk 10 lembu peliharaan, sekali gus menjadikan kos semakin meningkat.

"Penjagaan perlu diuruskan dengan baik kerana juga persediaan untuk Aidiladha nanti, malah tiga lembu peliharaan saya sudah ditempah pelanggan," ka-

tanya ketika ditemui di kandang di Kampung Kubang Edang, Peringat, di sini.

Mohd Hanif berkata, selain perlu diberikan makanan serta minuman mencukupi, lembu peliharaannya juga kerap dimandikan bagi menyejukkan tubuh.

Dia yang turut menternak pelbagai haiwan lain antaranya ayam, itik serati dan kambing berkata, cuaca panas yang melanda turut menyebabkan ternakannya mati kerana panas dan kurang zat," katanya.

### **Kos makanan, penjagaan**

Penternak, Ariffin Mat, 69, berkata harga ditawarkan bagi lembu korban sebelum ini pada paras biasa, iaitu sekitar RM700 hingga RM850 untuk satu bahagian, namun dibimbangi akan meningkat menjelang Aidiladha nanti disebabkan kos makanan dan penjagaan.

Katanya, tidak mustahil harga satu bahagian daging korban dinaikkan antara RM100 hingga



Mohd Hanif memberi lembu makan di kandang di Kampung Kubang Edang, Peringat, Kota Bharu. (Foto Siti Rohana Idris/BH)

RM150 jika cuaca panas sebegini berlarutan, memandangkan pelbagai kos perlu diambil kira.

"Ada kenalan penternak berdepan dengan lembu mereka perlu disembelih kerana keadaannya yang 'nyawa-nyawa ikan' akibat cuaca panas.

bat cuaca panas.

"Jika cuaca panas ini berlarutan, penternak memang berdepan dengan kerugian kerana perlu menanggung pelbagai kos malah harga daging korban juga akan meningkat," katanya.

## Simpan 41 Bangkai Kucing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	2	9 April

# Simpan 41 bangkai kucing

- 31 dalam peti ais, yang lain bersepah di ruang tamu
- Kucing jalanan dibiarkan mati kebuluran

Oleh MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

**SHAH ALAM** – Penghuni sebuah pangsapuri di Subang Jaya dekat sini dikejutkan dengan penemuan sebanyak 41 bangkai kucing yang mereput dalam unit kediaman seorang wanita.

Lebih memilukan, 31 daripada bangkai haiwan itu ditemukan dalam keadaan berbungkus dengan plastik dan disimpan di dalam peti sejuk beku manakala 10 lagi bangkai bersepah di ruang tamu dan sangkar.

►BERSAMBUNG DI MUKA 2



PEGAWAI Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor memeriksa bangkai kucing di sebuah kediaman di Subang Jaya baru-baru ini.



## Simpan 41 Bangkai Kucing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	2	9 April

# Simpan 41 bangkai kucing

DARI MUKA 1

Kesemua kucing malang itu dipercayai mati akibat tidak diberikan makanan secukupnya, manakala 36 ekor lain ditemukan masih hidup di dalam sangkar tetapi dalam keadaan kurus dan tidak bermaya.

Kejadian itu terbongkar selepas sepasukan pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor melakukan serbuan ke sebuah kediaman kira-kira pukul 4 petang pada 13 Mac lalu susulan aduan orang ramai yang tidak tahan dengan bau busuk dari unit berkenaan.

Kediaman berkenaan dihuni seorang wanita berusia 49 tahun yang bekerja sebagai 'freelancer runner' dan hidup bersendirian.

Sebaik pintu dibuka, anggota operasi seakan 'terkedu' melihat keadaan dalam rumah yang bertukar menjadi seperti 'kubur' buat haiwan-haiwan malang itu.

Longgokan bangkai kucing memenuhi ruang, sebahagiannya sudah mereput manakala udara dalam rumah itu pula bau sangat busuk.

Pengarah DVS Selangor, Dr. Hassuzana Khalil berkata, kejadian itu dibimbangi boleh mengundang risiko kesihatan kepada penghuni lain di pangsapuri berkenaan.

"Kami turut menemui peti ais



**ANTARA kucing yang ditemui dan dalam keadaan kurus di sebuah unit pangsapuri di Subang Jaya baru-baru ini.**

dan apabila dibuka, terdapat 31 bangkai kucing dalam keadaan berbungkus," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata, siasatan lanjut mendapati bangkai kucing yang ditemui dalam peti ais telah disimpan sejak tahun lalu.

Tambahnya, kucing yang mati ditemui di ruang tamu pula dipercayai telah mati lebih dua minggu. Kesemua haiwan malang itu berusia lebih dua bulan.

"Dalam operasi kali ini, kami juga menemukan 36 ekor kucing

pelbagai umur, jantina dan baka yang masih hidup, namun dalam keadaan lemah dan kurus yang disimpan di dalam sangkar.

"Kesemua kucing hidup dipercayai tidak diberikan makan sejak dua minggu sebelum serbuan pihak kami," katanya.

Menurut Hassuzana, kucing yang hidup telah bawa ke Pejabat DVS Daerah Petaling untuk siasatan manakala kesemua bangkai telah dibawa ke Makmal Veterinar Zon Tengah, Salak Tinggi untuk proses bedah siasat.



**PETI ais yang digunakan oleh seorang wanita untuk menyimpan 31 bangkai kucing di rumahnya.**

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan soal siasat terhadap seorang wanita tempatan berusia 49 tahun yang merupakan pemilik unit dan penjaga kucing berkenaan mendapati dia telah menjaga kesemua kucing itu sejak tahun lalu.

Katanya, suspek menyatakan bahawa kesemua kucing yang dibelanya merupakan kucing jalanan dan dijaga atas dasar keprihatinannya.

"Kami masih menjalankan siasatan mengenai motif suspek

menyimpan bangkai kucing di dalam peti ais.

"Kertas siasatan juga sedang dilengkapkan sebelum diserahkan kepada Pejabat Pendakwa Raya bagi tindakan selanjutnya.

Kes disiasat di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang mana Seksyen 29(1) memperuntukkan hukuman berat iaitu denda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000, atau dipenjarakan maksimum tiga tahun, atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

## Terpaksa Lebihkan Dedak Ganti Rumput

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Lokal	18	9 April

# Terpaksa lebihkan dedak ganti rumput

**Kota Bharu:** Cuaca panas melampau yang berlaku sejak beberapa bulan lalu turut menjelaskan penternakan lembu selain menjadi punca kenaikan kos menternak haiwan itu.

Difahamkan haiwan ternakan itu memerlukan sumber makanan dan minuman mencukupi bagi mengelakkan ia kekurangan zat seterusnya mati ketika musim panas melanda.

Penternak, Mohd Hanif Hussin, 31, yang menternak 10 lembu termasuk jenis kacukan mendakwa berdepan situasi kritikal berikutan rumput menjadi kering menyebabkan dia perlu lebihkan makanan dedak sebagai ganti.

Mohd Hanif berkata, kos pembelian dedak untuk semua lembunya meningkat kepada RM850 berbanding RM600 sebelum ini.

“Saya ada menanam rumput dengan keluasan 0.61 hektar. Namun cuaca panas melampau menyebabkan rumput menjadi kering walaupun sudah disiram air.

“Disebabkan itu, saya perlu lebihkan makanan dedak untuk 10 lembu



MOHD Hanif memberi lembu peliharaannya dedak bagi menggantikan rumput kerana kering akibat cuaca panas melampau. - Gambar NSTP/SITI ROHANA IDRIS

peliharaan sekali gus menjadikan kos semakin meningkat. Ia adalah persediaan bagi permintaan ibadah korban ketika Hari Raya Aidiladha kelak,” katanya ketika ditemui di kandang di Kampung Kubang Edang, Peringat, di sini, semalam.

Mohd Hanif berkata, lembunya kerap dimandikan bagi menyejukkan tubuh.

Dia yang turut menternak pelbagai haiwan lain antaranya ayam, serati dan kambing memberitahu, cuaca panas yang melanda turut menyebabkan terna-

kannya mati kerana panas dan kurang zat.

“Biasanya ayam dan serati (mati) walaupun sudah diberikan makanan serta minuman mencukupi. Haiwan itu tidak tahan panas dan akan cepat lemah seterusnya mati,” katanya.

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR